

## tahap VII

- Pesakit mula bertindak secara automatik dan bersesuaian dengan keadaan
- Pesakit telah dapat mengikuti jadual serta melakukan aktiviti harian tanpa bantuan
- Tetapi masih mengalami kesukaran dalam merancang, memulakan, dan mengikuti aktiviti yang diberikan
- Pesakit juga masih mempunyai masalah untuk memberi perhatian serta masih memerlukan pengawasan kerana kurangnya kesedaran terhadap keselamatan

## tahap VIII

- Pesakit mula sedar tentang masalah kognitif dan ingatan yang dialaminya dan lebih fleksibel dalam membuat keputusan
- Pesakit telah dapat mempelajari perkara baru pada kadar yang perlahan
- Mereka masih memerlukan bimbingan untuk membuat keputusan
- Mereka juga mungkin mengalami masalah kognitif yang mungkin tidak ketara kepada individu yang tidak mengenalinya sebelum kecederaan

## Apa yang boleh dilakukan

- Layan pesakit sebagai seorang dewasa dengan memberikan bimbingan dan bantuan dalam membuat keputusan serta hormati pendapat mereka.
- Pada tahap ini, tidak perlu lagi menggunakan ayat yang terlalu ringkas.
- Bantu mereka dalam aktiviti harian supaya mereka faham tentang masalah kognitif dan ingatan yang dialaminya serta cara mengatasinya
- Galakkan pesakit untuk meneruskan terapi kerana mereka mungkin merasakan dirinya sudah pulih sepenuhnya.
- Galakkan juga pesakit untuk mencatat nota untuk membantu masalah ingatan yang dihadapinya

# TAHAP KESEDARAN SELEPAS KECEDERAAN OTAK

## PANDUAN UNTUK MENGENDALIKAN PESAKIT



Disediakan oleh :



JABATAN PERUBATAN REHABILITASI  
HOSPITAL TENGGU AMPUAN RAHIMAH, KLANG



Klinik Pakar Perubatan Rehabilitasi  
03-3375 7000 sambungan 1540



## Apakah tahap kesedaran pesakit apabila berlakunya kecederaan otak?

Terdapat 8 tahap kesedaran selepas kecederaan otak

### tahap I

- Tiada tindak balas terhadap rangsangan

### tahap II

- Pesakit mula menunjukkan tindak balas umum terhadap bunyi, visual, sentuhan atau pergerakan seperti mengunyah, bernafas, berpeluh dan mengerang
- Tindak balas biasanya perlahan dan tidak konsisten

### tahap III

- Pesakit telah mempunyai kitaran tidur serta lebih banyak pergerakan berbanding sebelumnya
- Pesakit juga menunjukkan tindak balas yang spesifik terhadap perkara yang dilihat, didengar atau dirasa secara perlahan dan tidak konsisten
- Pesakit juga mula mengenali ahli keluarga dan rakan terdekat

### Apa yang boleh dilakukan

- Terangkan kepada pesakit tentang apa yang anda akan lakukan.
- Gunakan bahasa yang ringkas dan mudah
- Hadkan bilangan pelawat kepada 2-3 orang pada satu masa
- Pastikan bilik dalam keadaan tenang dan senyap
- Bawa barang-barang kegemaran dan gambar ahli keluarga serta rakan terdekat.
- Beri pesakit masa untuk memberi respons kerana mereka mungkin tidak dapat memberi jawapan yang tepat atau tiada respons langsung.
- Dan beri pesakit masa berehat kerana mereka mudah berasa letih.

### tahap IV

- Pesakit mula keliru dan takut kerana tidak faham tentang keadaan diri dan perkara yang berlaku di sekelilingnya
- Dan memerlukan bantuan untuk melakukan aktiviti harian
- Pesakit boleh menunjukkan tindak balas yang berlebihan terhadap apa yang dialaminya, menggunakan bahasa yang kasar atau mengamuk serta mencederakan diri

### Apa yang boleh dilakukan

- Beritahu pesakit di mana mereka berada dan yakinkan bahawa mereka selamat.
- Pastikan bilik dalam keadaan tenang dan senyap
- Hadkan bilangan pelawat kepada 2-3 orang pada satu masa.
- Tunjuk gambar keluarga dan barang-barang peribadi untuk membuatnya berasa lebih selesa
- Jangan paksa mereka untuk melakukan sesuatu. Sebaliknya, benarkan apa yang ingin dilakukan selagi ianya selamat.
- Beri pesakit masa berehat dan pelbagaikan aktiviti kerana mereka mudah terganggu dan gelisah

### tahap V

- Pesakit masih keliru dan fungsi kognitif masih terjejas tetapi tidak lagi bertindak kasar
- Pesakit masih memerlukan bantuan untuk melakukan aktiviti hariannya dan mungkin memerlukan arahan langkah demi langkah
- Pesakit juga mempunyai ingatan yang lemah serta mempunyai kesukaran untuk mengingati perkara baru

### Apa yang boleh dilakukan

- Sentiasa beritahu pesakit apa yang mereka perlu lakukan
- Mereka juga perlu diberitahu tentang hari, tarikh, nama dan lokasi hospital, serta sebab mereka berada di hospital
- Gunakan bahasa yang ringkas dan mudah
- Bantu pesakit untuk mengatur dan memulakan sesuatu aktiviti.
- Beri pesakit masa untuk berehat apabila mereka sukar untuk memberi tumpuan.

### tahap VI

- Pesakit telah mula mengingati tarikh dan tahun tetapi masih keliru dan fungsi kognitif masih terjejas
- Pesakit juga telah dapat memberi perhatian selama lebih kurang 30 minit
- Dan mula mengingati tajuk utama dalam perbualan tetapi tidak dapat mengingati dengan terperinci
- Pesakit juga telah dapat mengikuti jadual dengan sedikit bantuan tetapi keliru jika terdapat perubahan dalam rutin harian

### Apa yang boleh dilakukan

- Pesakit masih perlu diingatkan dalam banyak perkara
- Terangkan perkara yang telah berlaku sepanjang hari untuk membantu individu memperbaiki ingatannya.
- Pesakit mungkin masih memerlukan bantuan untuk memulakan dan meneruskan aktiviti.
- Galakkan pesakit untuk mengambil bahagian dalam semua terapi dan terangkan kepentingannya